

KENYATAAN MEDIA

30 JUN 2020

TIADA SURCAJ DIKENAKAN KEPADA PENGGUNA BUKAN DOMESTIK DAN PENGGUNA DOMESTIK BAGI TEMPOH 1 JULAI 2020 – 31 DISEMBER 2020

Putrajaya, 30 Jun - Kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)* bagi tempoh 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2020 dengan menurunkan kadar surcaj sebanyak 2 sen/kilowatt-jam (kWj) kepada 0 sen/kWj untuk pengguna bukan domestik, iaitu pengguna komersial dan industri. Bagi pengguna domestik, kadar tarif elektrik adalah kekal seperti sedia ada iaitu tanpa sebarang surcaj. Ini bermakna tiada surcaj dikenakan kepada pengguna bukan domestik dan pengguna domestik bagi tempoh 1 Julai 2020 – 31 Disember 2020. Keputusan ini dibuat berikutan terdapat penurunan dalam kos arang batu sebenar bagi tempoh Januari hingga Jun 2020.

Mekanisma ICPT merupakan sebahagian daripada kerangka kerja kawal selia berasaskan insentif (*Incentive-Based Regulation – IBR*) bagi menetapkan dan melaraskan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 2018 hingga 2020. Di bawah mekanisme ini, kadar tarif elektrik asas bagi tahun 2018 hingga 2020 ditentukan dengan menetapkan harga penanda aras bahan api arang batu dan gas dalam tempoh tersebut. Sebarang perbezaan kos sebenar dengan harga penanda aras bahan api dalam penetapan tarif asas akan diselaraskan setiap enam bulan di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass Through (ICPT)*, sama ada dalam bentuk surcaj atau rebat, bergantung kepada kos bahan api dan kos penjanaan lain dalam tempoh tersebut.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azlina Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03 8870 8753/8598/8661/019 3589255 (Azlina)/ 013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.